



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



KEMENTERIAN  
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

## SIARAN MEDIA

### MOU KERJASAMA STRATEGIK KPT-MIDA DAN PORTAL TENAGA KERJA E&E PERKASA DAYA SAING INDUSTRI MELALUI PEMBANGUNAN BAKAT TEMPATAN

Selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan juga Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Malaysia 2022 - 2025 yang menyasarkan penciptaan graduan dan bakat mahir bagi menobatkan Malaysia di kalangan 30 ekonomi terbesar di dunia menjelang 2033, sebuah Memorandum Persefahaman (MOU) antara Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah ditandatangani hari ini.

Majlis ini juga turut menyaksikan sesi peluncuran portal MoHE *Research and Industry-Infused Incubator* (MRI3). Portal MRI3 ini merupakan kerjasama Konsortium Elektrik dan Elektronik Universiti Malaysia (CEE) yang terdiri daripada 19 buah universiti awam bersama 27 syarikat bagi membangunkan bakat dengan pengetahuan dan kemahiran bertepatan dengan keperluan industri elektrik dan elektronik (E&E). Melalui portal MRI3 ini juga, pihak industri dapat mengiklankan penawaran latihan industri, senarai bidang tumpuan projek tahun akhir serta membuat tapisan pelajar. Manakala bagi pelajar, mereka boleh membuat permohonan dan memuat naik *resume* menerusi portal ini.

Kedua-dua inisiatif ini merupakan sebahagian usaha bagi menangani isu ketidakpadanan antara kemahiran yang dimiliki oleh tenaga kerja yang dijana dan keperluan industri, serta membantu memastikan jaminan pekerjaan dan kebolehpasaran graduan dengan gaji yang lebih baik. Melalui usaha ini, MIDA dan KPT akan terus memperkukuhkan kerjasama bagi memenuhi permintaan tenaga kerja mahir yang diperlukan oleh pihak industri.

Sehubungan itu, majlis hari ini turut menyaksikan pertukaran MOU berasaskan pembangunan tenaga kerja mahir antara KPT dengan tiga syarikat terkemuka yang terlibat dalam industri teknologi tinggi iaitu Micron Memory Malaysia Sdn. Bhd, Stellantis Gurun (Malaysia) Sdn. Bhd. dan Inari Technology Sdn. Bhd. Kerjasama ini adalah usaha berterusan pihak KPT dan MIDA dalam merencanakan kolaborasi antara sektor akademik dan industri bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan dan daya saing industri Malaysia.

Antara bidang kerjasama yang telah dipersetujui dalam MOU tersebut termasuklah pembangunan dan penambahbaikan modul program, latihan serta pensijilan profesional, perkongsian pengetahuan dan kepakaran serta penyelidikan dan inovasi.

Dalam pada itu, dengan wujudnya kerjasama ini dapat mengukuhkan lagi matlamat agenda nasional negara bagi meningkatkan daya saing Malaysia secara global selain mampu mewujudkan sebuah ekosistem yang dinamik untuk mencungkil bakat tempatan serta mendorong pembangunan sosio-ekonomi bagi memacu pertumbuhan industri negara.

**07 Mei 2024**

**Kementerian Pendidikan Malaysia;  
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)**

---

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**KPT**

**Puan Eparizan binti Mansor**  
Ketua Seksyen Perhubungan Awam  
dan Khidmat Pelanggan,  
Unit Komunikasi Korporat, KPT  
Emel: [eparizan@mohe.gov.my](mailto:eparizan@mohe.gov.my)  
Tel: 03-8870 6274

**MIDA**

**Puan Azrina binti Hasim**  
Pengarah ,  
Bahagian Pengurusan Talent Industri  
dan Ekspatriat, MIDA  
Emel: [azrina@mida.gov.my](mailto:azrina@mida.gov.my)  
Tel: +603-2267 3454

**Petikan Ucapan YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI):**

Mengulas kepentingan pertukaran MOU, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz, dalam ucapannya menekankan bahawa kerjasama strategik antara MIDA dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) adalah selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030. Beliau berkata “Pendidikan bakat merupakan elemen penting dalam ekosistem pembangunan industri dan kemajuan ekonomi negara. Bagi memenuhi permintaan pesat industri, MOU di antara MIDA dan KPT bertujuan membangunkan modal insan yang bukan sahaja berkemahiran tinggi dalam bidang teknikal, bahkan mempunyai kemahiran adaptif terhadap perubahan iklim ekonomi global. Tenaga kerja yang terlatih dan berdaya saing adalah kunci kepada kejayaan NIMP 2030, dan kerjasama strategik bersama KPT ini merupakan satu pemangkin kepada industri Malaysia yang lebih berdaya tahan di peringkat global.”

Tambah beliau “MITI dan MIDA memainkan peranan yang penting dalam menyelaraskan dan memudahcara proses perjalanan pelabur di peringkat persekutuan dan negeri, termasuk dalam penyediaan tenaga mahir. Bagi tempoh 2021 - 2023, sebanyak 150,000 peluang pekerjaan telah dicipta melalui dari 2,386 projek pengilangan yang diluluskan, di mana lebih 81% telah dilaksanakan. Sebahagian besar dari peluang ini adalah untuk bakat mahir yang bergaji tinggi untuk rakyat Malaysia. Momentum ini perlu dikekalkan dan pemeteraian MOU ini amat penting dalam memfasilitasi keperluan guna tenaga industri sama ada oleh pelabur asing mahupun pelabur tempatan.”

**Petikan Ucapan YB Senator Dato’ Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi (KPT):**

Menteri Pendidikan Tinggi, YB Senator Dato’ Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir dalam ucapannya berkata, “MOU antara KPT dengan MIDA ini adalah sebahagian usaha bagi menangani isu ketidakpadanan antara kemahiran yang dimiliki oleh tenaga kerja kita dan keperluan industri. Melalui kerjasama ini, MIDA akan membekalkan maklumat mengenai keperluan tenaga kerja oleh pihak industri terutama pelabur asing dan tempatan supaya KPT dan institusi pendidikan tinggi dapat membuat persediaan dan perancangan bagi memenuhi keperluan tersebut.

Melalui akses kepada maklumat yang tepat, kita boleh memastikan penghasilan bakat oleh institusi pendidikan tinggi adalah responsif kepada keperluan pasaran kerja yang semakin berkembang. Kelebihan ini perlu dimanfaatkan bagi menyelaraskan proses pepadanan bakat, mengurangkan ketidakcekapan dan menghubungkan individu dengan peluang yang sejajar dengan kebolehan dan aspirasi mereka” ulasnya lanjut.